

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

Dr. Mahathir jatuhkan kredibiliti sebagai negarawan

um-24/6/2016

KUALA LUMPUR 23 Jun - Tindakan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad bersengkongkol dengan DAP hanya menjatuhkan maruah dan kredibiliti beliau sebagai seorang negarawan khususnya dalam kalangan orang Melayu.

Setiausaha Veteran UMNO, Datuk Mustapha Yaakub berkata, kerjasama Dr. Mahathir dengan DAP hanya akan menyebabkan orang Melayu terutama di kawasan luar bandar secara perlahan-lahan melupakan jasa beliau kepada negara selama ini.

Beliau berkata, Dr. Mahathir perlu menerima hakikat bahawa agendanya untuk men-

jatuhkan Datuk Seri Najib Tun Razak hanya akan menguatkan lagi sokongan rakyat terhadap Perdana Menteri.

“Sebagai contoh, dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar, Dr. Mahathir hanya pergi ke kawasan majoriti Cina dan bukannya kawasan Melayu kerana ramai orang Melayu sebenarnya tidak senang dengan tindakan beliau.

“Langkah Dr. Mahathir ini hanya akan menyebabkan beliau secara perlahan-lahan dilupakan, malah saya sendiri tidak pernah menyangka beliau akan dihina seperti ini,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.